

HIBAH AL-MARAD DALAM KITAB AL-UMM. Oleh al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (150-204H/767-819M). Beirut: Dar al-Fikr. 2001. Halaman 226-227 & 231.

Al-Shafi'i adalah ahli *fiqh* Islam yang terkemuka dalam sejarah Islam. Beliau adalah pengasas kepada mazhab Shafi'i, salah satu daripada mazhab Islam yang banyak diikuti oleh penganut agama Islam. Beliau adalah salah seorang ulama yang pandangan *fiqh*nya menjadi rujukan utama majoriti umat Islam. Karya-karya penulisan al-Shafi'i dalam bidang *fiqh* serta disiplin ilmu yang berkaitan dengannya cukup untuk menempatkannya di barisan ulama *fiqh* yang terbilang hingga kini. Nama al-Shafi'i merupakan satu nama besar sebagai tokoh pemikiran Islam dan intelektual yang hebat serta dikagumi terutamanya dalam mencetus idea dan menjana pemikiran kepada perkembangan *fiqh* Islam termasuk muamalat. Melihat kepada sumbangan al-Shafi'i yang besar terhadap dunia Islam, para sejarawan bersetuju meletakkan al-Shafi'i sebagai pengasas prinsip perundangan Islam.

Manakala Kitab *al-Umm* merupakan kitab induk dalam mazhab Shafi'i. Ia dinamakan sedemikian kerana boleh dikatakan semua penulisan dalam mazhab Shafi'i berasal daripada kitab ini. Kitab *al-Umm* dari satu sudut merupakan kitab *fiqh* terbesar dan tiada tandingan pada masanya. Kitab ini membahaskan pelbagai persoalan lengkap dengan dalil-dalilnya, baik dari al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan *qiyas*. Isi kandungan kitab ini adalah sebagai bukti keluasan ilmu al-Shafi'i dalam bidang *fiqh*. Sedangkan dari sudut yang lain, ia juga dianggap sebagai kitab hadis kerana dalil-dalil hadis yang ia kemukakan menggunakan jalur periwayatan tersendiri sebagaimana layaknya kitab-kitab hadis dan sebagaimana kaedah penulisan dan penyusunan hadis Rasulullah SAW, yang disusun oleh para *muhaddithin* (ulama hadis) berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih di sisi mereka.

Dari perspektif metode penulisan, kitab *al-Umm* tidak seperti kitab-kitab karangan Shafi'iyah *muta'akhkhirin* yang menggunakan pendekatan '*direct to the point*' dalam menyatakan hukum dengan ibarat yang ringkas dan padat, kitab *al-Umm* tidak dikarang dan disusun dengan pendekatan tersebut. Sebaliknya al-Shafi'i menyusun sebahagian besar isi kandungan kitab *al-Umm* dalam bentuk dialog atau *hiwar* mengenai isu-isu dan hukum-hukum tertentu. Dalam sesetengah masalah, al-Shafi'i menggunakan metode *bayan* dalam erti menjelaskan secara panjang lebar asas ijtihad beliau dan proses pengistinbatan dengan kaedah-kaedah yang beliau gunakan sehingga terhasilnya hukum yang beliau pegangi. Al-Shafi'i juga menyatakan dalil-dalil yang dijadikan asas untuk mengistinbatkan hukum-hukum sebagaimana yang ditegas oleh beliau dalam *al-Umm*. Beliau membuat kesimpulan hukum tidak berpegang kecuali dengan nas daripada al-Quran atau al-Sunnah. Dalam ketiadaan nas beliau melihat kepada ijmak. Kalau masih tidak ada beliau akan melihat kepada pandangan para sahabat dan akan memilihnya berasaskan kepada mana satu yang lebih dekat kepada pengertian al-Quran dan al-Sunnah atau kalau tidak mana satu yang boleh dianggap sebagai *qiyas* yang lebih tepat. Walau bagaimanapun secara praktisnya beliau lebih mengutamakan pandangan-pandangan para khalifah, Abu Bakar, 'Umar dan Uthman kerana ternyata pandangan-pandangan sahabat-sahabat ini sememang sudah teruji. Hanya apabila beliau tidak menemui hukum dari semua sumber-sumber ini baru beliau akan merujuk kepada *qiyas*.

Di dalam penulisan al-Shafi'i, di antara salah satu bab utama yang ditulisnya adalah mengenai hibah *al-marad*. Hibah *al-marad* menurut al-Shafi'i ialah pemberian dibuat dalam keadaan sakit yang mana kesan pemberiannya ketika itu mempunyai implementasi yang berbeza bergantung kepada keadaan pemberi (*wahib*) dan penerima hibah (*mawhub lahu*).

Al-Shafi‘i dalam karyanya *al-Umm* menyatakan bahawa terdapat hibah yang diberikan dalam keadaan sakit kepada ahli waris mahupun bukan ahli waris. Menurut al-Shafi‘i, jika penerima hibah adalah ahli waris atau bukan ahli waris dengan hibah itu diserahkan dan dimanfaatkan, kemudian pemberi hibah meninggal dunia sebelum sempat sembuh sakitnya, maka barang dan hasil keuntungan dari barang hibah tersebut wajib dikembalikan kerana menurut al-Shafi‘i kepemilikan apa yang dihibahkan itu adalah milik penghibah.

Al-Shafi‘i dalam karyanya *al-Umm* membincangkan beberapa situasi hibah orang sakit, syarat-syarat dan hukumnya sebagaimana berikut:

- i. Menghibahkan sesuatu kepada ahli waris ketika dalam keadaan sakit, lalu setelah itu sihat, kemudian sakit lagi dan dalam sakitnya itu, dia menyerahkan *mawhub* (harta/barang) kepada ahli warisnya di saat sakit yang membawa kematiannya, maka hibah tersebut wajib dikembalikan kerana sesungguhnya hibah akan dianggap sempurna dengan *qabd* (penerimaan), sementara *qabd* hibah terjadi ketika penghibah dalam keadaan sakit.
- ii. Menghibahkan sesuatu kepada ahli waris ketika dalam keadaan sakit, lalu setelah itu sihat dan dalam sihatnya itu, dia menyerahkan *mawhub* (harta/barang) hibahnya, setelah itu dia sakit dan meninggal dunia, maka hibah tersebut dianggap sempurna kerana penerimaan hibah terjadi ketika penghibah dalam keadaan sihat. Sebenarnya penghibah boleh menahan hibahnya, namun apabila berlaku hibahnya itu ketika dia sihat maka hukum hibahnya sama seperti hukum hibah dalam keadaan orang sihat.
- iii. Menghibahkan sesuatu kepada seseorang yang dianggap penghibah akan menjadi ahli waris, lalu terjadi sesuatu sehingga dia terhalang dari waris, kemudian *wahib* meninggal dunia sementara *mawhub lahu* bukan lagi ahli waris. Maka apabila berlaku hibah diberikan kepadanya ketika penghibah sihat, hibah itu sah dan dibolehkan. Jika sebaliknya berlaku iaitu penghibah sakit, lalu sembuh dan kemudiannya meninggal dunia, maka hukum hibah ini dianggap sebagai hukum hibah dalam keadaan orang sihat. Selain itu, apabila *wahib* menghibahkan sesuatu dalam keadaan sakit dan tidak sembuh, maka hukum hibahnya adalah satu pertiga. Ditunaikan terlebih dahulu sebelum wasiat kerana hibah merupakan pemberian mutlak dan hukumnya dibolehkan.

Berdasarkan pernyataan al-Shafi‘i dalam menghuraikan situasi tersebut, ternyata bahawa aspek utama yang difokuskan al-Shafi‘i dalam proses penetapan pemilikan berhubung isu hibah pesakit ialah kewarasan mentalnya dan kondisi akal pesakit yang menjadi penanda aras kepada kesahan hibahnya. Selain itu, al-Shafi‘i mengemukakan contoh lafaz *sighah* hibah dalam “*hibat al-marid*” sebagaimana berikut:

”ولو كانت دار رجل أو عبده في يدي رجل بسكني أو إجارة أو عارية فقال: قد وهبت لك الدار التي في يديك وكنت قد أذنت لك في قبضه لنفسك كانت هذه هبة مقبوضة للدار والعبد الذي في يديه ثم لم يحدث له منعا لما وهب له حتى مات علم أنه لها قابض.“

“Sekiranya rumah atau hamba sahaya seseorang berada di tangan orang lain, yang didiami, disewa atau dipinjam. Lalu pemiliknya itu berkata: “Aku hibahkan rumah yang kamu diami ini kepadamu dan aku izinkan kepadamu menerimanya. Ungkapan ini merupakan hibah (pemberian) yang diserahkan untuk rumah dan hamba sahaya yang ada di tangannya, selanjutnya tidak berlaku sesuatu yang menghalangi hibah (pemberian) tersebut sehingga pemberi hibah meninggal dunia, diketahui bahawa hibah itu sudah diserahkan” (al-Shafi‘i 2001).

Dari pernyataan al-Shafi'i di atas dapat difahami bahawa bentuk lafaz *sighah* hibah tersebut adalah sah dan hibah itu dianggap sempurna kerana adanya persetujuan daripada penghibah dan berlaku *qabd*. Keizinan yang diberikan penghibah menunjukkan persetujuan penghibah dalam penghibahnya. Maka apabila berlaku kematian penghibah, hibahnya itu secara sah menjadi hak milik penerima hibah.

Secara ringkas, kesimpulan menurut pengkaji dalam perbincangan isu ini, status kesahan sesuatu hibah berdasarkan kesihatan penghibah. Kondisi kesihatan penghibah merupakan salah satu indikator yang dapat membantu ahli waris mengklasifikasikan hibah pewaris sama ada sah untuk dilaksanakan atau sebaliknya.

Al-Shafi'i turut membincangkan *marad* (sakit) yang membuat pemberian seseorang dibolehkan atau tidak dibolehkan.

Dalam perbincangan berkenaan, al-Shafi'i menggariskan dua kriteria utama bagi mengklasifikasikan sesuatu penyakit, sama ada *marad al-mawt* atau sebaliknya dan status hukum bagi pemberian keduanya sebagaimana berikut:

”المرض مرضان: فكل مرض كان الأغلب منه أن الموت مخوف منه فعطية المريض فيه إن مات في حكم الوصايا، وكل مرض كان الأغلب منه أنه غير مخوف فعطية المريض فيه كعطية الصحيح وإن مات منه“.

“Sakit itu ada dua jenis iaitu, pertama: penyakit-penyakit yang menimbulkan kerisauan dan kebiasaannya penyakit berkenaan akan menyebabkan kematian, jika dia mati maka pemberiannya adalah tertakluk kepada hukum wasiat. Kedua: penyakit-penyakit yang kebiasaannya tidak menimbulkan kerisauan, jika dia mati maka pemberiannya adalah sama seperti orang sihat”. (al-Shafi'i 2001).

Dalam pada itu, al-Shafi'i turut mengesahkan penyakit *marad al-mawt* berdasarkan *nature*/keadaan sakit itu sendiri, menurutnya semua bentuk demam dan batuk yang mengancam nyawa, sakit jantung, radang paru-paru, sakit usus, ginjal, hempedu, penyakit taun dan tibi serta lain-lain penyakit yang seumpamanya. Menurut al-Shafi'i *marad al-mawt* adalah penyakit yang kronik/kritikal, yang mengganggu emosi, mental dan fizikal pesakitnya. Kebiasaannya penyakit itu serius dan berlarutan sehingga menyebabkan kematian pesakit. Al-Shafi'i menegaskan bahawa dalam menentukan jenis penyakit yang boleh membawa maut, pandangan dari pakar dalam bidang perubatan adalah amat diperlukan dan penting untuk memutuskan sejauh mana kesan bahaya penyakit dan masa yang akan dilalui pesakit serta untuk mengelakkan sebarang keraguan. Kata al-Shafi'i:

”وما أشكل من هذا أن يخلص بين مخوفه وغير مخوفه سئل عنه أهل العلم به، فإن قالوا هو مخوف لم تجز عطيته إذا مات إلا من ثلثه، وإن قالوا لا يكون مخوفاً جازت عطيته جواز عطية الصحيح“.

“Dan apa yang merumitkan (sukar diketahui) di antara penyakit yang membimbangkan dan penyakit yang tidak membimbangkan, mesti ditanyakan kepada pakar. Jika mereka berkata, itu membahayakan maka pemberiannya tidak dibolehkan (tidak sah), jika dia mati pemberiannya dibenarkan hanya satu pertiga sahaja daripada harta peninggalannya. Dan jika mereka berkata, itu tidak membahayakan maka pemberiannya dibolehkan (sah) sama seperti pemberian orang sihat”. (al-Shafi'i 2001).

Seterusnya al-Shafi‘i menegaskan perkara berkaitan dalam kenyataan berikut:

”جميع الأوجاع التي لم تسم على ما وصفت يسأل عنها أهل العلم بها فإن قالوا مخوفة فعطية المعطى عطية مريض، وإن قالوا: غير مخوفة فعطيته عطية صحيح، وأقل ما يكون في المسألة عن ذلك والشهادة به شاهدان ذوا عدل“.

“Semua jenis penyakit yang tidak dinamakan (yang tidak disebutkan) di sini menurut apa yang aku terangkan, mesti ditanyakan kepada pakar. Jika mereka berkata, itu membahayakan maka pemberiannya adalah pemberian orang sakit. Namun jika mereka berkata, itu tidak membahayakan maka pemberiannya adalah pemberian orang sihat. Penentuan masalah ini mestilah sekurang-kurangnya berdasarkan kepada kesaksian dua saksi yang adil”. (al-Shafi‘i 2001).

Berdasarkan pernyataan al-Shafi‘i di atas, dapat difahami bahawa penyakit pada dasarnya terbahagi kepada dua iaitu penyakit biasa dan penyakit *marad al-mawt*. Menurut al-Shafi‘i, penyakit biasa hukum pemberiannya sama seperti hukum orang yang sihat tertakluk kepada hukum hibah. Manakala penyakit *marad al-mawt* pula bermaksud penyakit yang merbahaya kepada keselamatan jiwa kebiasaannya akan menyebabkan pesakit menjadi lemah dan lebih terdedah kepada kematian. Selain itu juga penyakit yang boleh mendatangkan kebimbangan dalam diri pesakit yang mengganggu emosi, mental dan fizikal pesakit. Hukum pemberian ketika dalam keadaan *marad al-mawt* sama seperti hukum pemberian melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat. Ini juga merupakan pendapat jumhur fuqaha yang terdiri daripada fuqaha Hanafi, Maliki, Shafi‘i dan Hambali (al-Kasani 1986; al-Dusuqi 1998; Ibn ‘Abidin t.th: 8/424; al-Bujayrimi 1996). Secara umumnya, doktrin *marad al-mawt* dalam *fiqh* Islam adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan kreditor dan ahli waris yang berhak ke atas harta si mati.

Dalam perbincangan berkenaan *marad al-mawt* ini, al-Shafi‘i menekankan suatu perkara yang perlu dititikberatkan dalam penentuan sama ada sesuatu penyakit itu boleh dikategorikan sebagai *marad al-mawt* ataupun tidak dengan menegaskan perlunya merujuk kepada yang pakar dalam penyakit berkaitan (pakar perubatan atau seumpamanya) dengan diperakui oleh sekurang-sekurangnya dua orang saksi yang adil. Selain itu, al-Shafi‘i berpendapat apabila penyakit yang ditanggung oleh seseorang itu berpanjangan dan tidak lagi menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya kematian dengan segera walaupun sakit itu tidak dapat disembuhkan, maka ia tidaklah termasuk dalam kategori penyakit *marad al-mawt*.

Berdasarkan kepada keseluruhan pernyataan al-Shafi‘i di atas, terdapat tiga prinsip utama yang digariskan al-Shafi‘i dalam isu *marad* ini, iaitu:

- i. Untuk mengesahkan sama ada sakit itu adalah sakit *marad al-mawt* atau sebaliknya, perlu merujuk kepada pakar perubatan atau seumpamanya dengan diperakui oleh sekurang-sekurangnya dua orang saksi yang adil.
- ii. Hibah yang dibuat semasa *marad ghayr mukhawwif* (penyakit ringan yang tidak membimbangkan), maka hukum pemberiannya sama seperti hukum pemberian orang sihat melalui hibah dan tertakluk kepada hukum hibah. Dalam situasi isu ini al-Shafi‘i meng*qiyaskannya* kepada hukum hibah.
- iii. Hibah yang dibuat semasa *marad mukhawwif* (penyakit kronik yang membimbangkan) ia dinggap sebagai *marad al-mawt*, maka hukum pemberiannya sama seperti hukum pemberian orang sakit melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat iaitu pemberian tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka melainkan dengan persetujuan

semua ahli waris. Dalam situasi isu ini al-Shafi'i mengqiyaskannya kepada hukum wasiat.

Dari sudut praktikalnya, pandangan al-Shafi'i telah diterima pakai dalam peruntukan undang-undang sebagai contoh peruntukan di dalam *Majallah al-Ahkam al-Adliyah* seksyen (1595) dan menjadi sebahagian peruntukan dalam kebanyakan undang-undang di negara Islam termasuk Malaysia dalam enakmen beberapa negerinya yang menyebut secara jelas perihal wasiat pesakit kritikal atau *marad al-mawt* iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 (Enakmen 4 tahun 1999), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan 2004 (Enakmen 5 tahun 2004), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka 2005 (Enakmen 4 tahun 2005). Hal ini menunjukkan topik yang dibincangkan al-Shafi'i ini sangat signifikan dan penting kerana terdapatnya peruntukan khas di dalam undang-undang Islam.

Noor Syahida Abdul Rahman

Norulhuda Bakar

Nurul Syafini Abdul Rahman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor